

EKSKLUSIF

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

BH PLUS

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

**Fakta
nombor**

946

KANAK-KANAK

jalanan dikesan dan
diselamatkan di seluruh
Sabah pada 2015

50,000

ANGGARAN

kanak-kanak tanpa
dokumen di Sabah

Antara kanak-kanak jalanan yang bermain menghabiskan masa di tepi laut dan tapak pasar malam Sinsuran, Kota Kinabalu.



Tak pernah sekolah, buta huruf

BH
21/6/17
m15-14



➔ Kanak-kanak jalanan tambah buruk masalah sosial Sabah

Oleh Mohd Izham Unnip
Abdullah
thaddius@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Mereka tidak pernah ke sekolah, apa lagi mengenal huruf dan memahami kepentingan pendidikan untuk masa depan.

Situasi itu dialami kanak-kanak jalanan, kebanyakannya anak pendatang asing yang berkeliaran di sekitar bandar raya ini atau bandar dan pekan lain di seluruh negeri.

Jika adapun yang pernah bersekolah, selalunya separuh jalan dengan kebanyakannya kanak-kanak jalanan warga Filipina, iaitu sama ada berhenti disebabkan masalah kewangan atau mengikut keluarga datang ke negeri ini.

Bagi mereka, kawasan pasar, pasar malam, terminal bas dan kaki lima premis perniagaan sudah menjadi seperti sekolah kerana di situlah mereka menghabiskan masa seharian.

Kehadiran mereka bukan saja menjejaskan imej lebih-lebih lagi di kawasan strategik yang menjadi tumpuan pelancong, malah menimbulkan pelbagai masalah sosial.

Masa depan kelam

Kebimbangan turut berkisar mengenai apa yang akan terjadi kepada mereka apabila dewasa, memandangkan status mereka tiada pendidikan dan dokumen pengenalan diri.

Berdasarkan pemerhatian BH, kanak-kanak jalanan di bandar raya ini kebanyakannya mengambil upah mengangkat barangan dan menjual beg plastik atau berniaga, khususnya di pasar malam Sinsuran, di sini.

Kelibat kanak-kanak terbabit yang hadir berkumpul antara enam hingga 10 orang boleh dilihat setiap hari bermula seawal jam 7 pagi di sekitar tapak pasar malam Sinsuran dan premis perniagaan berhampiran.

Pada waktu pagi, mereka mengambil upah membersihkan sisa

Info

Kanak-kanak jalanan di Sabah

➔ **Kebanyakan kanak-kanak jalanan** adalah anak warga Filipina

➔ **Tidak mendapat pendidikan** atau berhenti bersekolah akibat masalah kewangan

➔ **Menjadikan kawasan pasar, terminal bas dan kaki lima** premis sebagai lokasi berkumpul dan menghabiskan masa

➔ **Melakukan pekerjaan** dengan mengambil upah mengangkat barang, menjual plastik atau menjalankan perniagaan di pasar malam Sinsuran

➔ **Tiada dokumen** pengenalan diri

sayuran dan sampah milik peniaga di pasar malam berkenaan dan kemudian mengangkat barangan dan menjual beg plastik apabila pasar malam dibuka bermula jam 4 petang hingga lewat malam.

Selain pasar malam, kehadiran mereka boleh dikesan sekitar terminal bas, pasar dan penempatan pinggir bandar raya ini seperti di Sembulan, Likas, Inanam, Mengatal dan Telipok.

Aktiviti meminta sedekah

Kehadiran kanak-kanak jalanan bukan saja di bandar raya ini, malah di pekan dan bandar utama lain seperti Tawau, Sandakan, Lahad Datu dan Semporna dengan ada antara mereka turut terbabit dalam kegiatan meminta sedekah.

Walaupun kebanyakannya adalah warga asing atau tiada warga negara, segelintir bertaraf warganegara juga dikesan menjadi anak jalanan.

Berdasarkan perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sabah, seramai 946 kanak-kanak

jalanan termasuk 111 orang bertaraf warganegara dikesan dan diselamatkan dalam operasi bersepadu di seluruh negeri pada tahun 2015.

Bagi yang bukan warga negara, kebanyakannya adalah anak pendatang asing tanpa izin (PATI) berasal dari Filipina yang dilahirkan di negeri ini tetapi tidak didaftarkan, selain anak pemegang dokumen IMM13 atau berstatus pelarian Filipina.

Ada juga kanak-kanak jalanan lahir di Filipina dan datang ke negeri ini secara tidak sah mengikut ibu bapa atau keluarga.

Status mereka yang tiada dokumen atau pengenalan diri menyebabkan kanak-kanak ini tidak dapat ke sekolah sekali gus mengakibatkan mereka tidak mengenal huruf dan tidak boleh membaca.

Kehadiran mereka turut dikaitkan dengan aktiviti tidak sihat seperti menghidu gam, penagihan dadah, menyeluk saku dan mengganggu pengunjung, termasuk pelancong.